

# PNB lancar ASN Imbang 3 Global

**TENGGU** Zafrul Tengku Abdul Aziz melancarkan ASN Imbang 3 Global sambil disaksikan oleh Dr. Zeti Aziz dan Ahmad Zulqarnain Onn di Kuala Lumpur, semalam.

**PNB ASNB**  
Permodalan Nasional Berhad Amanah Saham Nasional Berhad

**MINGGU SAHAM DIGITAL**



**KUALA LUMPUR:** Permodalan Nasional Berhad (PNB) melancarkan produk dana harga berubah baharu untuk Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), iaitu ASN Imbang 3 Global.

Produk tersebut merupakan unit amanah pertama ASNB yang melabur di pasaran kewangan luar negara dan terbuka untuk semua rakyat Malaysia dengan pelaburan permulaan minimum RM10.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PNB, Ahmad Zulqarnain Onn berkata, pengenalan dana tersebut membuka ruang buat rakyat Malaysia untuk meluaskan rangkaian pelaburan.

“Semua rakyat Malaysia boleh melabur di luar negara dan mengakses produk kewangan di luar sempadan negara.

“Kami mengurangkan halangan dan menjadikannya lebih mudah untuk pelabur terus

meluaskan pelaburan ke dalam pasaran dan geografi berbeza,” katanya ketika sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Minggu Saham Digital (MSD) secara maya semalam.

Perasmiannya disempurnakan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan turut dihadiri Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerusi Eksekutif Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), Mohammad Husin berkata, sebanyak RM290 juta telah dilangan melibatkan lebih 5,000 pelabur sejak ASN Imbang Global ditawarkan 16 September lalu.

Katanya, tabung ASN Imbang 3 Global yang berada dalam Aset Campuran Imbang, akan melabur dalam portfolio pelbagai.

Katanya, 65 peratus akan dilaburkan dalam pasaran ekuiti.